

03 JUL 1998

Mahathir-Pekerja

KERJA LEBIH KUAT, MAHATHIR GESA KAKITANGAN KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 3 Julai -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta kakitangan perkhidmatan awam bekerja lebih kuat dan membantu negara mengelak meminjam daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) yang mengenakan syarat-syarat tertentu.

Perdana Menteri berkata dengan bekerja lebih keras mereka dapat menyejatkan urusan meluluskan permohonan sektor swasta dan ini dapat mengelakkan sektor itu daripada terus mengalami lebih banyak kerugian.

Dalam keadaan sekarang anggota perkhidmatan awam perlu bekerja lebih kuat dan mengurangkan karenah birokrasi bagi membantu memulihkan ekonomi negara.

"Kalau nak pulihkan ekonomi negara, cara kerja tidak boleh seperti dulu, hari ini kita perlu segerakan segala prosedur dan proses kelulusan.

"Kita tidak boleh tunggu lama kerana masa bermakna wang. Lagi lambat masa kita uruskan sesuatu, lagi lambat ekonomi kita pulih," katanya pada majlis penyampaian anugerah perkhidmatan cemerlang kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Pusat Islam di sini.

Seramai 227 kakitangan JPM mendapat anugerah pergerakan gaji secara melintang dan menegak.

Katanya kerajaan bergantung kepada sektor swasta untuk memperolehi pendapatan bagi menguruskan pentadbiran negara.

Dr Mahathir berkata masalah ekonomi yang dialami negara amat serius dan setiap rakyat termasuk anggota perkhidmatan awam perlu berbuat sesuatu untuk menyelamatkan negara daripada tunduk kepada IMF.

Jika terikat dengan dana antarabangsa itu, negara terpaksa mengikut pendekatan IMF bagi memulihkan ekonomi termasuk memotong gaji, mengurangkan jumlah pekerja, menutup beberapa syarikat yang bermasalah serta jabatan dan agensi kerajaan yang dianggap sebagai pembaziran.

"Bagi mereka (IMF), penderitaan yang dialami akibat penutupan syarikat atau jabatan itu tidak diambilkira. Yang penting kurangkan perbelanjaan. Jika ramai yang menganggur, bagi IMF itu bukan masalah mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata seperti apa yang berlaku di Indonesia yang terpaksa meminta bantuan IMF, 24 juta rakyatnya kini menganggur, satu bilangan yang lebih besar daripada jumlah penduduk Malaysia.

Bagi rakyat Indonesia yang masih mempunyai pekerjaan, pendapatan dan kuasa membeli mereka juga berkurangan.

Dr Mahathir berkata Malaysia bernasib baik kerana belum mencapai peringkat teruk sedemikian bagaimanapun beliau memberi amaran bahawa negara akan mengalami keadaan yang sama jika rakyat tidak bekerja kuat untuk memulihkan ekonomi sekarang.

Katanya dalam perkhidmatan awam, seseorang kakitangan, sama ada yang cekap bekerja ataupun tidak, tidak akan dipecat walaupun negara menghadapi masalah ekonomi.

Bagaimanapun, sekiranya keadaan ekonomi semakin merosot kerajaan tidak mempunyai pilihan selain memotong gaji kakitangannya.

"Ini boleh dielakkan jika kita kerja lebih kuat, lebih cepat.

Contohnya, dulu kita luluskan permohonan dalam masa sebulan, kita boleh buat dalam masa seminggu, dua hari atau sehari," katanya.

Dr Mahathir yang juga mahukan kakitangan awam bekerja lebih masa berkata: "kita bekerja lebih masa untuk diri kita, bukan kerajaan sahaja, kalau tidak kita akan hadapi pengangguran dan potongan gaji."

Dr Mahathir menarik perhatian bahawa pada masa kegawatan ekonomi

sekarang, sektor swasta sudah memberhentikan sejumlah pekerja yang dirasakan tidak perlu kepada organisasi mereka.

Dalam industri automotif contohnya, berikutan penjualan yang berkurangan kepada 30 peratus berbanding sebelum ini, industri berkenaan terpaksa mengurangkan pengeluaran.

Berikutan itu pekerja tidak mempunyai kerja untuk dilakukan seperti sebelum ini manakala syarikat pula terpaksa menanggung kos membiayai gaji pekerja sebanyak 75 peratus daripada gaji asal mereka.

"Bagaimanapun, berapa lama syarikat berkenaan mampu bertahan jika penjualan mereka terus merosot sebelum syarikat itu terpaksa memberhentikan pekerjanya?" tanya Perdana Menteri.

--BERNAMA

HS RAZ RON